

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2024**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2024 akan dilaksanakan seperti yang berikut:

Tarikh	Ujian/Peperiksaan
2,3,4 dan 5 Disember 2024	Ujian Bertutur Bahasa Melayu
9,10 dan 12 Disember 2024	Ujian Amali Sains
16,17,18, dan 19 Disember 2024	Ujian Bertutur Bahasa Inggeris
31 Disember 2024	Ujian Mendengar Bahasa Melayu
31 Disember 2024	Ujian Mendengar Bahasa Inggeris
2 Januari hingga 6 Februari 2025	Peperiksaan Bertulis

Secara keseluruhan, seramai **402,956** orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM Tahun 2024 di **3,337** buah pusat peperiksaan seluruh negara. Manakala seramai **126,636** orang petugas peperiksaan telah dilantik bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan.

KPM ingin mengingatkan semua calon peperiksaan SPM Tahun 2024 agar merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan, serta arahan yang perlu dipatuhi sepanjang peperiksaan berlangsung.

Jadual waktu peperiksaan SPM Tahun 2024 boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan (LP) melalui pautan lp.moe.gov.my.

Calon diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan SPM Tahun 2024.

KPM cakna dengan keselamatan dan kebajikan calon serta petugas peperiksaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan termasuk musim banjir sepanjang peperiksaan SPM Tahun 2024 berlangsung. KPM sentiasa siap siaga dengan mekanisme dan langkah persediaan sewajarnya termasuk bekerjasama dengan agensi kerajaan lain yang berkaitan.

Calon dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah atau jabatan pendidikan negeri (JPN) dengan segera sekiranya tidak dapat hadir di pusat peperiksaan yang telah ditetapkan atau mana-mana pusat peperiksaan berhampiran disebabkan oleh bencana. Calon juga boleh menghubungi talian bilik gerakan peperiksaan yang disediakan di ibu pejabat LP dan JPN di seluruh negara.

KPM komited untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan peperiksaan SPM Tahun 2024 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. KPM mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
25 NOVEMBER 2024**